



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

----- RINGKASAN EKSEKUTIF ----- PELAN STRATEGIK ICT MAJLIS PERBANDARAN KLANG

[TAHUN 2016 - 2020]

MAJLIS PERBANDARAN KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-3375 5555 / 03-3371 6044
www.mpklang.gov.my





MAJLIS PERBANDARAN KLANG

ISI KANDUNGAN

1.0	PRAKATA	2
	1. PERUTUSAN YANG DIPERTUA	2
	2. PERUTUSAN PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT.....	3
2.0	RINGKASAN EKSEKUTIF	4
	1. PENGENALAN.....	4
	2. PENDEKATAN PROJEK.....	5
	3. VISI DAN MISI ICT.....	7
	4. TERAS STRATEGIK.....	8
	5. PROGRAM STRATEGIK ICT.....	9
	6. PELAN TINDAKAN.....	11
	7. PELAN PELAKSANAAN.....	11
	8. RUMUSAN.....	13



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PERUTUSAN DATO' YANG DIPERTUA

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera.

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah di atas segala limpah kurnia serta izin-Nya Majlis Perbandaran Klang telah berjaya menyediakan Pelan Strategik ICT (PSICT) bagi tahun 2016 – 2020. Sesungguhnya perubahan dan kemajuan pesat dalam persekitaran Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) pada masa kini telah memberi kesan yang signifikan terhadap pembangunan sistem pengurusan di Majlis Perbandaran Klang. Cabaran utama Majlis Perbandaran Klang adalah untuk mempertingkatkan kualiti perkhidmatan menggunakan teknologi terkini. Jesteru itu, Pelan Strategik ICT ini disediakan bagi memastikan sistem penyampaian perkhidmatan Majlis Perbandaran Klang dapat disesuaikan dan diselaraskan dengan perubahan-perubahan yang berlaku.



Pelan Strategik ICT MPKlang ini sangat penting sebagai panduan dan hala tuju bagi pembangunan dan pelaksanaan perkhidmatan ICT dalam usaha Majlis Perbandaran Klang menjadikan ICT sebagai peneraju penyampaian perkhidmatan yang efisien dan efektif. Yang paling istimewa proses pembangunan Pelan Strategik ini dilaksanakan secara dalaman melibatkan semua Jabatan/Bahagian Majlis Perbandaran Klang. Saya berharap proses yang dilalui dan ilmu yang diperolehi dapat meningkatkan pengetahuan dan kepakaran semua yang terlibat.

Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Pasukan Pembangunan Pelan Strategik ICT terdiri dari pelbagai jabatan yang diterajui oleh Pn. Nor Hasyimah binti Tamziz selaku Pengurus Projek di peringkat Majlis Perbandaran Klang yang telah banyak mencurahkan tenaga dalam usaha merangka dan menghasilkan Pelan Strategik ICT MPKlang bagi tahun 2016 hingga 2020.

Sekian. Terima kasih.

YBHG. DATO' HJ. MOHAMAD YASID B. BIDIN
YANG DIPERTUA
MAJLIS PERBANDARANKLANG



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

PERUTUSAN PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang Saya bersyukur kepada Allah SWT kerana Majlis Perbandaran Klang (MPKlang) telah berjaya menyiapkan Pelan Strategik ICT (PSICT) bagi tahun 2016 – 2020 secara dalaman bersama semua Jabatan/Bahagian Majlis Perbandaran Klang.




Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya rakan-rakan jawatankuasa PSICT dalaman dalaman MPKlang yang telah memberikan komitmen yang tidak berbelah bagi dan berganding tenaga dalam menjayakan PSICT MPKlang. Sokongan dan penglibatan semua pihak merupakan faktor kejayaan pembangunan PSICT ini.

Kerjasama penuh yang diberikan telah memastikan proses penghasilan PSICT di Majlis Perbandaran Klang menjadi lebih mudah dan berjalan dengan lancar. Tidak lupa juga ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dato’ Yang Dipertua MPKlang, Ybhg. Dato’ Mohamad Yasid bin Bidin atas bimbingan dan sokongan yang diberikan. Diharap dengan adanya PSICT ini dapat meningkatkan kecemerlangan penyampaian perkhidmatan MPKlang kepada pelanggan di samping meningkatkan produktiviti warga kerja MPKlang.

Sekian, terima kasih.

NOR HASYIMAH BINTI TAMZIZ
PENGARAH TEKNOLOGI MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDARAN KLANG





MAJLIS PERBANDARAN KLANG

RINGKASAN EKSEKUTIF

1. PENGENALAN

Bagi memacu perkhidmatan ICT Majlis Perbandaran Klang (MPKlang) yang cemerlang, satu Pelan Strategik ICT (PSICT) diwujudkan untuk memperkukuhkan kemudahan dan penyampaian perkhidmatan khususnya dalam bidang ICT di samping melahirkan modal insan yang memiliki pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai murni selaras dengan tugas dan bagi tempoh 2016 hingga 2020. PSICT ini telah dibangunkan secara dalaman dengan kerjasama semua Jabatan / Bahagian di MPK yang diketuai oleh Puan amanah yang perlu dilaksanakan oleh kakitangan MPKlang.

Dokumen PSICT MPKlang ini merupakan satu *blueprint* menjadi rujukan utama dalam pelaksanaan program dan projek ICT Nor Hasyimah binti Tamziz selaku Pengurus Projek.

Sebelum PSICT MPKlang 2016 – 2020 ini dibangunkan MPKlang telah lebih awal mempunyai Pelan Strategik ICT iaitu ISP 2006 – 2010, diikuti ISP 2011 – 2015 dan PSICT MPKlang 2012 – 2015 bagi melengkapkan perancangan ICT di MPKlang. Perancangan Pembangunan PSICT telah dimanfaatkan oleh MPKlang untuk membuat semakan semula ISP sedia ada seterusnya menyediakan PSICT bagi tempoh lima tahun yang mendatang (2016 – 2020).


MAJLIS PERBANDARAN KLANG

2. PENDEKATAN PROJEK

Pembangunan PSICT MPKlang menggunakan metodologi Analisa, Strategi dan Fomulasi (ASF) seperti di **Rajah 1** bagi menilai dan mengenalpasti keperluan bisnes dan ICT MPKlang dan seterusnya diterjemahkan melalui

visi, misi dan teras strategik yang mengandungi strategi dan program bagi tempoh lima tahun iaitu 2016 – 2020. Metodologi ASF PSICT melalui tiga fasa pembangunan seperti berikut:

- Fasa 1 (Analisa) : Penilaian persekitaran semasa bisnes dan ICT
- Fasa 2 (Strategi) : Pembentukan rangka kerja strategik ICT
- Fasa 3 (Formulasi) : Perancangan pelaksanaan program ICT yang dicadangkan




Rajah 1: Model ASF



MAJLIS PERBANDARAN KLANG


Bagi memastikan keberkesanan serta kejayaan pelaksanaan projek pembangunan PSICT MPKlang, satu struktur tadbir urus telah diwujudkan.

CARTA STRUKTUR INDUK PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT MPK



Rajah 2: Jawatankuasa Induk PSICT MPKlang

AHLI PASUKAN PEMBANGUNAN PELAN STRATEGIK ICT MPK



Rajah 3: Pasukan Pembangun PSICT MPKlang



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

3. VISI DAN MISI ICT

Hala tuju ICT ini diperjelaskan menerusi pernyataan Visi dan Misi ICT. Misi dan Visi ICT turut dibentuk agar lebih relevan dengan perkembangan ICT semasa dan dapat membawa pencapaian MPKlang sebagai sebuah organisasi berprestasi tinggi bertaraf dunia.

VISI ICT

Peneraju kecemerlangan penyampaian perkhidmatan perbandaran digital berpaksikan rakyat

MISI ICT

- **Memperkasakan ICT sebagai pembolehdaya anjakan transformasi perkhidmatan pintar bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan agensi.**
- **Memperkukuhkan perkhidmatan ICT & kolaborasi strategik secara holistik bagi memperluas jangkauan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat.**

Rajah 4: Visi dan Misi ICT MPKlang

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

4. TERAS STRATEGIK

PSICT ini menyediakan rangka dasar yang komprehensif, hala tuju, bidang fokus dan garis panduan pelaksanaan projek ICT yang terancang bagi melaksanakan agenda transformasi sistem penyampaian perkhidmatan ICT untuk tempoh lima tahun bermula 2016 hingga 2020. MPKlang telah menetapkan lima Teras Strategik ICT **Rajah 5**.



5 Teras Strategik ICT

T1 PENYEDIAAN SUMBER ICT YANG OPTIMUM DAN SELAMAT

- Memantapkan ketersediaan infrastruktur ICT secara optimum, cekap, & terurus.
- Memastikan prestasi perkhidmatan digital selamat, stabil & dipercayai.

T2 PERKHIDMATAN DIGITAL BERPACUKAN DATA BERSEPADU & BERKESAN

- Mengukuhkan perkhidmatan digital melalui integrasi data bersepadu.
- Memantapkan perkhidmatan perbandaran pintar yang berkualiti dan menyeluruh.

T3 TADBIR URUS ICT YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK

- Memperkukuhkan pengurusan dan kefungisian organisasi ICT yang dinamik & efisien
- Memantapkan kepimpinan dan tadbir urus perkhidmatan perbandaran pintar melalui kolaborasi ICT.

T4 MODAL INSAN YANG PROFESIONAL DAN BERKEUPAYAAN

- Memantapkan keupayaan & keterampilan personel ICT agensi
- Mengukuhkan kolaborasi strategik dalam persekitaran ICT di kalangan warga kerja secara berterusan.

T5 KOMUNITI PINTAR PROSPEK PERKHIDMATAN DIGITAL

- Merapatkan jurang digital komuniti melalui penyediaan sumber ICT.
- Memperkasakan inisiatif penyampaian perkhidmatan ICT berpaksikan rakyat.

Rajah 5: Lima Teras Strategik ICT MPKlang



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

5. PROGRAM STRATEGIK ICT

Sebanyak 16 strategi dan 41 program ICT telah dikenal pasti sebagai strategi dalam pengukuhan pelaksanaan ICT di MPKlang bermula tahun 2016 sehingga tahun 2020. Strategi dan Program ICT mengikut Teras Strategik ICT yang dimaksudkan adalah seperti di jadual berikut :

TERAS STRATEGIK 1 PERKHIDMATAN SUMBER ICT YANG OPTIMUM DAN SELAMAT	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pengukuhan infrastruktur ICT	1a Pengukuhan Pusat Data
	1b Pengukuhan perkakasan dan Perisian ICT
2. Pemantapan keupayaan Komunikasi ICT	2a Peningkatan Perkhidmatan Rangkaian MPKlang
	2b Pengukuhan Komunikasi ICT
3. Pengukuhan Pemerkasaan keselamatan ICT	3a Pengukuhan Perkhidmatan Keselamatan ICT
	3b Pengukuhan keselamatan persekitaran ICT
	3c Pematuhan Keselamatan ICT

TERAS STRATEGIK 2 PERKHIDMATAN DIGITAL BERPACUKAN DATA BERSEPADU & BERKESAN	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pemerkasaan perkhidmatan Digital	1a Penilaian sistem aplikasi
	1b Penambahbaikan/nilai tambah sistem aplikasi
	1c Penyelarasan Data Bersepadu
	1d Penyelenggaraan Sistem Aplikasi secara berkala
2. Peningkatan penggunaan perkhidmatan Digital	2a Perluasan penggunaan perkhidmatan Digital
	2b Penyediaan perkhidmatan digital tanpa tunai
	2c Penyediaan perkhidmatan baru
3. Pengukuhan capaian perkhidmatan Digital	3a Pengukuhan Sistem Single Sign On (SSO) – Gerbang Tunggal Perkhidmatan
	3b Pengukuhkan perkhidmatan menggunakan ID pengguna



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

TERAS STRATEGIK 3	
TADBIR URUS ICT YANG KOLABORATIF DAN DINAMIK	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pengukuhan Organisasi ICT	1a Pengukuhan Jabatan Teknologi Maklumat (JTM) sebagai peneraju perkhidmatan digital MPK
	1b Pemantapan Struktur dan Fungsi Perkhidmatan ICT
2. Pengukuhan Pengurusan Personel ICT	2a Pemantapan penempatan bidang ICT
	2b Pengukuhan kemajuan kerjaya personel ICT
3. Pengukuhan Tadbir Urus ICT	2a Pengukuhan Jawatankuasa ICT
	2b Pengukuhan dasar/garis panduan ICT
	2c Pemantauan dan penilaian ICT
	2d Kolaborasi Tadbir Urus ICT merentasi jabatan
4. Pengukuhan Kepimpinan ICT	3a Pemantapan Pegawai ICT
	3b Pengukuhan jaringan kolaboratif strategik antara pegawai-pegawai ICT pelbagai agensi

TERAS STRATEGIK 4	
MODAL INSAN YANG PROFESIONAL DAN BERKEUPAYAAN	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pembangunan dan pengekalan bakat ICT	2a Pelaksanaan program pembangunan Kompetensi personel ICT
	2b Pemantapan Kolaborasi strategik dengan IPTA, IPTS dan Industri
	2c Perkongsian kemahiran antara agensi
2. Pemantapan kemahiran ICT warga MPK	3a Pembangunkan Pelan Latihan ICT untuk warga MPK
	3b Melaksanakan latihan ICT kepada warga kerja MPK
	3c Perkongsian maklumat ilmu/teknologi baru
3. Penglibatan warga kerja dalam persekitaran ICT	4a Kolaborasi warga kerja MPK dan personel ICT



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

TERAS STRATEGIK 5 KOMUNITI PINTAR PROSPEK PERKHIDMATAN DIGITAL	
STRATEGI	PROGRAM
1. Pemantapan Perkhidmatan digital kepada komuniti/ penduduk	1a Galakan dan bantuan penggunaan Perkhidmatan digital
	1b Penyediaan perkhidmatan mobile apps
	1c Penaiktarafan Laman Web
	1d Perluasan ikiosk perkhidmatan Digital MPK
2. Perluasan medium Komuniti Pintar	2a Penyediaan kepelbagaian saluran komunikasi digital komuniti/ penduduk
	2b Mewujudkan emel untuk komuniti
3. Peningkatan penglibatan komuniti/penduduk dalam penyampaian perkhidmatan	3a Perluasan kemudahan ICT kepada komuniti/ Penduduk
	3b Pelaksanaan kolaborasi strategik bersama agensi/NGO bagi penyampaian perkhidmatan kepada penduduk (CSR)

6. PELAN TINDAKAN

Pelan tindakan digariskan secara terperinci dan mengandungi butiran mengenai Aktiviti, Objektif Program, Faktor Kritikal Kejayaan, Tempoh Masa, Pemilik Program dan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) bagi setiap Program ICT. Pelan tindakan mengikut teras dan strategi ICT dihuraikan secara terperinci di dalam Bab 4.

7. PELAN PELAKSANAAN

Bagi memastikan program ICT yang dirancang dapat dilaksanakan dengan berkesan MPKlang akan menggunakan pendekatan pelaksanaan mengikut tahun. Pendekatan pelaksanaan mengikut tahun akan lebih memudahkan pengurusan tertinggi MPKlang memantau program ICT yang akan atau belum dilaksanakan pada tahun semasa. Pelaksanaan bagi teras strategik ICT ditunjukkan dalam **Rajah 6**.



MAJLIS PERBANDARAN KLANG

	2016	2017	2018	2019	2020
Infrastruktur ICT	Kajian Keperluan ICT		Pengukuhan Pusat Data		
	Pengukuhan Perkakasan dan Perisian ICT				
	Peningkatan Perkhidmatan Rangkaian ICT (Capaian Internet, IPV6, load balancing, Bandwidth Management)				
	Pengukuhan Komunikasi ICT				
	Pemeriksaan Keselamatan ICT (DKICT, HILRA, SPA, BCP, DLP, DRC)				
	Kolaborasi Pelbagai Agensi				
Aplikasi ICT	Penilaian sistem	Tambahbaik/nilai tambah sistem (DPMS, Aduan, etempahan, ecukai, epenilaian, eperkhidmatan)			
	Data Dictionary	Penyeragaman kod/common field	Integrasi Sistem Aplikasi I		
	Penyelenggaraan Sistem				
	Penyelenggaraan Sistem				
	Perkhidmatan digital tanpa tunai (online)		Perluasan Penggunaan Perkhidmatan digital (iLesen, ikesan, eAset, GIS, epenguatkuasaan)		
	Pengukuhan Jabatan Teknologi Maklumat				
Tadbir Urus	Pemantapan struktur dan fungsi perkhidmatan ICT				
	Pewujudan Jawatankuasa Baru				
	Pengukuhan Dasar/Garis Panduan				
	Penubuhan pasukan Tindakan - ICT Care				
	Kolaborasi merentasi Jabatan (Pasukan Cert MPKlang)				
			Pemantapan kepimpinan ICT		Kolaborasi Pelbagai Agensi
Modal Insan	Pemantapan penempatan bidang ICT			Pemantapan pengurusan Profil	
			Pemantapan kemajuan kerjaya ICT		
			Pemantapan kolaborasi strategic dengan IPTA, IPTS dan industry – perkongsian ilmu, perkongsian pintar		
	Program Pembangunan Personel ICT				
	Pembangunan Pelan Latihan ICT untuk warga kerja MPK (Pelan, Manual dan Jadual tahunan)				
	Melaksanakan Latihan ICT kepada warga kerja MPK (Latihan Asas wajib, latihan kemahiran/bakat)				
	Pasukan Sahabat ICT				
Komuniti	Galakan dan bantuan penggunaan perkhidmatan digital				
	Penyediaan perkhidmatan mobile app kepada komuniti/penduduk				
	Penaiktarafan Laman Web – Citizen Centric				
	Perluasan iKiosk Perkhidmatan digital				
	Penyediaan Pelbagai Saluran (i-Komuniti, Mobile Community)				
				Penyediaan emel komuniti berdaftar	
	Kemudahan ICT kepada komuniti/penduduk				
	Pelaksanaan kolaborasi strategik bersama agensi/NGO bagi penyampaian perkhidmatan kepada penduduk (CSR)				
	2016	2017	2018	2019	2020

Rajah 6: Pelan Pelaksanaan Mengikut Tahun

MAJLIS PERBANDARAN KLANG

Anggaran kos bagi tempoh lima (5) tahun pelaksanaan telah ditentukan bagi program-program dan aktiviti yang dirangka. Komponen kos melibatkan kos *one-off* dan kos berulang. Sebanyak **RM12,666,450.00** dicadangkan bagi tujuan melaksanakan program-program dan aktiviti ICT MPKlang bagi tempoh 2016-2020.

Rajah 7 menunjukkan keseluruhan anggaran kos yang terlibat iaitu bagi Kos One Off/Pembangunan dan Kos Berulang/Penyelenggaraan :




Rajah 7: Anggaran Kos Pelaksanaan PSICT MPKlang

8. RUMUSAN

PSICT yang dihasilkan bertujuan untuk memastikan agar pelaksanaan rangkaian strategi dan program yang dirancang itu adalah tepat dan menuju ke sasaran-sasaran impak dan transformasi yang diharapkan. Ia juga meneliti tahap penggunaan, mengenalpasti pelbagai isu, cabaran dan kelemahan dalam pembangunan ICT. Di samping itu, ia akan memfokuskan ke arah mewujudkan penyampaian perkhidmatan ICT yang bersepadu, cekap dan berkesan melalui teknologi ICT terkini agar dapat memberi perkhidmatan yang cemerlang secara berterusan kepada pelanggan MPKlang.

PSICT ini akan menjadi panduan dan rujukan sepanjang pelaksanaan projek ICT bagi tempoh tersebut. Justeru, dokumen ini hendaklah sentiasa dikaji semula dan dikemas kini dari semasa ke semasa jika perlu, bagi memastikannya sentiasa relevan dan seterusnya menjadi pembolehdaya strategik kepada usaha MPKlang untuk mencapai visi Klang Sebagai Sebuah Perbandaran Bertaraf Antarabangsa / Dunia Yang Lestari Dengan Perancangan Secara Holistik Pada Tahun 2020.



JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
MAJLIS PERBANDARAN KLANG
BANGUNAN SULTAN ALAM SHAH,
JALAN PERBANDARAN, 41675 KLANG,
SELANGOR DARUL EHSAN.
TEL : 03-3375 5555 / 03-3371 6044
www.mpklang.gov.my